

DBKL terima pengiktirafan MBOR

(20 DISEMBER 2022) Sinar, P25

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang menggunakan bas elektrik paling banyak di Malaysia.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, ia telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) yang disampaikan oleh Konsultán Kanan Rekod MBOR, Siti Hajar Johor kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Jelas DBKL, sebanyak 56 bas elektrik digunakan melibatkan 13 laluan perkhidmatan bas percuma, GoKL.

“Dua laluan baharu per-

khidmatan bas GoKL iaitu Laluan Krim menghubungkan Taman Fadson ke Transit Aliran Massa (MRT) Seri Delima dan Laluan Merah Lembayung dari MRT Jinjang ke Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade),” menurut kenyataan tersebut.

Pada Sabtu telah berlangsung majlis pelancaran laluan baharu bas GoKL dan penyampaian MBOR di Taman Tasik Metropolitan, Kepong.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh serta Pengarah SKS Coach Builders Sdn Bhd, Zaidi Toha selaku kontraktor pengendali bas GoKL.



Mahadi (duduk, kiri) bersama Hannah pada majlis pelancaran laluan baharu bas GoKL dan penyampaian MBOR di Taman Tasik Metropolitan, Kepong pada Sabtu.